

Ahmad Zulqarnain diyakini mampu pacu prestasi PNB

Pelantikan sebagai Presiden, CEO Kumpulan berkuat kuasa esok

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Bhd (PNB) melantik Ahmad Zulqarnain Onn sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan, berkuat kuasa esok.

Sebelum ini, Ahmad Zulqarnain adalah Timbalan Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah).

Beliau dilantik sebagai seorang daripada dua Timbalan Pengarah Urusan pada 2018 dan bertanggungjawab ke atas pelaburan strategik serta pengurusan pegangan strategik Khazanah dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Selain itu, beliau juga mengetuai pasukan strategi korporat di Khazanah.

Ahmad Zulqarnain mempunyai pengalaman lebih 23 tahun dalam sektor perkhidmatan kewangan serta korporat.

PNB dalam kenyataannya berkata, berdasarkan semua keperluan yang ditetapkan, ia menerima semua kelulusan yang diperlukan bagi pelantikan Presiden dan CEO yang baharu, termasuk pada peringkat Yayasan Pelaburan Bumiputra, Lembaga Pengarah PNB dan juga daripada pihak badan kawal selia.

“Sehubungan itu, Lembaga Pengarah PNB mengalu-alukan Ahmad Zulqarnain sebagai sebahagian daripada pasukan yang akan memacu PNB menjadi sebuah institusi pelaburan tersendiri bertaraf dunia,” katanya.

Ahmad Zulqarnain menggantikan Jalil Rasheed, yang meletakkan jawatan pada 15 Jun lalu selepas memegang jawatan sejak 1 Oktober 2019.

Biodata

Ahmad Zulqarnain Onn

- » Ketika ini memegang jawatan Timbalan Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Bhd
- » Turut berada dalam Lembaga Pengarah CIMB Group Holdings Bhd, CIMB Bank Bhd, Malaysia Aviation Group Bhd dan Malaysia Airlines Bhd
- » Sebelum itu memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Bhd dari Mei 2009 hingga April 2014

Jalil mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi Presiden dan CEO paling muda dalam sejarah PNB sejak syarikat pengurusan dana itu ditubuhkan pada 17 Mac 1978.

PNB adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion.

Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah.

